


Rancangan Perniagaan



MJ Fatonah Enterprise (001568682-P)
No. 17, Lot 3384, Jln Tembusu,
Kampung Melayu Subang,
40150, Shah Alam Selangor.

Disediakan oleh:


Mohamad Jamil bin Mahidin
017-3343800

Dan

Siti Fatonah binti Arbain
012-3343800

Index

- Surat Rasmi Permohonan Pengusaha
- Gambar Sekitar Ladang MJ Fatonah Enterprise
- Surat-surat Sokongan
- Pengenalan Syarikat
- Profil Syarikat
- Rancangan Pentadbiran
- Rancangan Operasi
- Lakaran Pelan Tapak / Geran tanah
- Modal Permulaan
- Senarai Kursus Yang Dihadiri
- Ringkasan Perancangan Syarikat
- Unjuran Aliran Kewangan 5 Tahunan
- Unjuran Penyata Pendapatan 5 Tahunan
- Aliran Kewangan (2006 hingga 2011)
- Lampiran: Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan
- Lampiran: Salinan Sijil-Sijil Akademik Pengusaha
- Lampiran: Salinan Sijil-Sijil Kursus



MJ Fatonah Enterprise (No Pend.: 001568682-P)

Pejabat: No.17, Lot 3384, Jln Tembusu, Kg Melayu Subang, 40150, Shah Alam, Selangor. Tel: 03-78460830, Fax: 03-78460380
Email: mjfe3800@yahoo.com

Ladang: Lot 1449, Kampung Teluk Penyamun, 45600, Batang Berjuntai, Selangor. No. H/P:012-3343800 / 017-3343800

Mohamad Jamil bin Mahidin (017-3343800)
Siti Fatonah binti Arbain (012-3343800)

20hb Apr 2006

Kepada,

Pegawai MARA Daerah,
Majlis Amanah Rakyat (MARA)
Daerah Kuala Selangor,
45000, Kuala Selangor
Selangor.


Tuan,

Per: Memohon Pinjaman Untuk Projek Penternakan Lembu Fidlot

Kami, seperti nama-nama di atas, pemilik **MJ Fatonah Enterprise**, sedang mengusahakan penternakan lembu fidlot secara komersial. Buat ketika ini, kami mengalami kekurangan modal untuk meneruskan dan mengembangkan lagi projek kami.

Oleh itu, kami memohon kelulusan MARA memperuntukkan dana IKS bagi menampung kekurangan modal seperti yang kami nyatakan dengan lebih terperinci di dalam Rancangan Perniagaan kami. Kami dengan penuh harapan memohon jasa baik pihak tuan dan jabatan tuan meluluskan permohonan ini.

2. Kami mengalami kekurangan modal sebanyak **RM250,000.00** untuk menampung kos ternakan tambahan dan makanannya.
3. Projek ini dijalankan di atas tanah milik kami seluas 2.5 ekar di Lot 1449, Kg Teluk Penyamun, 45600 Batang Berjuntai, Selangor.
4. Kami telah mengikuti beberapa program latihan anjuran Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) seperti Kursus Sangkut Ternakan Lembu Fidlot, Kursus Program Perakaunan Berkomputer, Kursus Pembangunan Keusahawanan, Kursus Penyembelihan Halal dan Kursus Strategik Pemasaran Berkesan. Kami juga mendapat khidmat nasihat dan pandangan dari syarikat mentor kami HS Nada Sdn Bhd.
5. Kami juga ingin bersama-sama merebut peluang dan menyahut seruan Perdana Menteri, Datok Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk memartabatkan industri pertanian dan perternakan di mata dunia. Kami amat mengalu-alukan cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang mencadangkan pertambahan bekalan daging tempatan dinaikkan dari 18% kepada 60% dalam masa 15 tahun lagi.
6. Kami mengusahakan projek ini sepenuh masa dan seluruh tenaga serta menjadikannya sumber pendapatan utama keluarga kami.



MJ Fatonah Enterprise (No Pend.: 001568682-P)

Pejabat: No.17, Lot 3384, Jln Tembusu, Kg Melayu Subang, 40150, Shah Alam, Selangor. Tel: 03-78460830, Fax: 03-78460380
Email: mjfe3800@yahoo.com

Ladang: Lot 1449, Kampung Teluk Penyamun, 45600, Batang Berjuntai, Selangor. No. H/P:012-3343800 / 017-3343800

7. Kami adalah ahli Gabungan Pengusaha Makanan Bumiputera Malaysia (GPMM).
8. Kami juga adalah syarikat mentee (anak didik) kepada HS Nada Sdn Bhd. Kami diberi tunjuk ajar dan bimbingan sepenuhnya oleh mereka. HS Nada Sdn Bhd juga adalah pembekal utama ternakan hidup kami.

Berserta dengan surat ini kami lampirkan salinan sijil-sijil latihan kami, gambar sekitar ladang ternakan kami dan Rancangan Perniagaan kami.

Kami sedia dihubungi (di alamat dan nombor-nombor telefon seperti di atas), pada bila-bila masa jika pihak tuan rasakan perlu.

Akhir sekali, kami amat berharap permohonan kami mendapat perhatian serius pihak tuan. Kerjasama dan pertimbangan tuan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

.....
(MOHAMAD JAMIL BIN MAHIDIN)
NO K/P : 680209-08-6063

.....
(SITI FATONAH BINTI ARBAIN)
NO K/P : 691222-10-5090

Pengenalan

MJ Fatonah Enterprise adalah sebuah syarikat penternakan bumiputera yang menjalankan projek penternakan lembu fidlot secara komersial. Pengusaha MJ Fatonah Enterprise mendapat didikan, nasihat dan tunjuk ajar dari Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui program-program latihannya. Pengusaha MJ Fatonah Enterprise juga mendapat perhatian HS Nada Sdn Bhd dalam khidmat nasihat dan bantuan teknikal.

Operasi Syarikat:

1. Menternak lembu fidlot secara komersial.
2. Pemasaran tertumpu kepada jualan hidup untuk tujuan korban, aqiqah dan kenduri.
3. Penjualan tinja ternakan (tanpa campuran) kepada pembeli runcit.

Perancangan Masa Depan Syarikat:

1. Penternakan intergrasi juga akan dijalankan jika mendapat kerjasama dengan pemilik ladang-ladang sawit berhampiran.
2. Menjual daging segar terus dari ladang ke pasar tani, pasar malam dan peruncit
3. Memproses tinja ternakan menjadi baja. Membungkus, melabel dan memasarkannya ke tapak-tapak nurseri, pembeli runcit dan syarikat-syarikat lanskap.
4. Menyediakan masakan daging berbagai resepi untuk pembelian ternakan dari ladang.
4. Menyediakan rumah sembelihan sendiri yang diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Negeri.
5. Mendapat pengiktirafan halal oleh badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab.
6. Menjalankan pemprosesan hasil daging seperti burger, nugget, bebola daging dsb.
7. Melebarkan sayap pasaran ke pasaraya besar.

Trend Pasaran:

Bekalan daging tempatan masih ditahap yang amat rendah, iaitu 18% dari keperluan daging seluruhnya. MJ Fatonah Enterprise merancang untuk menjadi penternak berjaya di Malaysia dan menambah peratusan bekalan daging segar tempatan. Harapan MJ Fatonah Enterprise untuk membantu saudara-saudara Islam mendapatkan daging yang halal, berkualiti dan bebas dari sebarang penyakit. Memaksimumkan pengeluaran ternakan dari jualan hidup, daging segar, hasil daging dan juga tinjanya.

Analisis SWOT:

1. Kekuatan:
 - a. Permintaan yang tinggi ke atas daging segar tempatan
 - b. Pelanggan kini meragui jaminan halal daging impot
 - c. Mengusaha penternakan lembu secara fidlot
 - d. Pengusaha MJ Fatonah Enterprise telah mengikuti Program Latihan / Kursus-kursus berkaitan anjuran Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di bawah MoA Inc.
 - e. Pengusaha MJ Fatonah Enterprise memiliki lesen/tauliah sembelihan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
 - f. Pengusaha sentiasa mendapatkan tunjuk ajar dari syarikat mentor kami, HS Nada Sdn Bhd.
2. Kelemahan:
 - a. Kekurangan dana untuk meneruskan dan mengembangkan projek.
3. Peluang:
 - a. Mendapat bimbingan berterusan dari MPPB dan HS Nada Sdn Bhd.
4. Ancaman:
 - a. Persaingan dengan daging impot yang dijual terlalu murah

Profil Syarikat

Nama Syarikat: MJ Fatonah Enterprise

Alamat Pejabat: No.17, Lot 3384, Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang, 40150, Shah Alam, Selangor.

Alamat Ladang: Lot 1449, Kampung Teluk Penyamun, 45600, Batang Berjuntai, Selangor.

Bentuk Perniagaan: Penternakan Lembu Secara Fidlot.

Tarikh Syarikat didaftarkan: 18hb Ogos 2005

Tarikh Mula Operasi: Februari 2006

No Pendaftaran Syarikat: 001568682-P

Modal Permulaan: RM370,000.00


Maklumat Bank:

1. Bank:	Maybank (Caw. Terminal 3, Subang)
Akaun No.	562085508614
Jenis Akaun:	Akaun Semasa
Pemegang Akaun:	MJ Fatonah Enterprise

Latarbelakang Pengusaha: Terdiri dari dua (2) orang pemegang saham, 60% + 40%.

1. Nama: Mohamad Jamil bin Mahidin (60%)
No. K/P: 680902-08-6063
No. Tel: 017-3343800
Alamat: No.17, Lot 3384, Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang, 40150, Shah Alam, Selangor.
Kelulusan: Sijil Kejuruteraan Mekanikal – Pengeluaran (POLIMAS, Alor Setar, Kedah)
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (ITM, Shah Alam)
Pengalaman: Berkhidmat dengan Matsushita Ind. Corp (MAICO) selama 14 tahun (dari juruteknik sehingga eksekutif).
2. Nama: Siti Fatonah binti Arbain (40%)
No. K/P: 691222-10-5090
No. Tel: 012-3343800
Alamat: No.17, Lot 3384, Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang, 40150, Shah Alam, Selangor.
Kelulusan: Sijil Kejuruteraan Mekanikal – Am (POLIMAS, Alor Setar, Kedah)
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (UTM, Sekudai)
Pengalaman: Berkhidmat dengan SME Aerospace Sdn Bhd) selama 10 tahun (dari penyelia sehingga eksekutif).

Rancangan Pentadbiran



Carta Organisasi MJ Fatonah Enterprise

Bidang Tugas Jabatan

1. Jabatan Jualan

Ditadbir oleh seorang pengurus dan dibantu oleh tiga (3) orang pekerja jualan. Pekerja jualan mahir dalam keratan / bahagian-bahagian daging dan mempunyai lesen memandu sekurang-kurangnya B2 dan D.

Tugas-tugas Jabatan Jualan ialah:

- Memasarkan produk terus kepada pelanggan (jualan hidup, daging segar atau masakan)
- Memastikan kualiti dan kebersihan produk
- Membuat promosi dan pengiklanan produk
- Mengenalpasti terminal jualan yang berpotensi dan berdaya maju
- Perancangan pengembangan pasaran
- Mendapat maklum balas pelanggan ke atas mutu produk syarikat
- Memastikan penghantaran dibuat tepat pada waktunya

2. Jabatan Pentadbiran

Ditadbir oleh seorang pengurus dan dibantu oleh seorang kerani. Kerani ini mahir mengendalikan komputer, mempunyai sistem fail syarikat yang teratur dan juga bijak berinteraksi dengan pelanggan / pembekal.

Tugas-tugas Jabatan Pentadbiran ialah:

- Menguruskan kewangan syarikat
- Memastikan pentadbiran syarikat dan kakitangan berjalan lancar
- Menguruskan kebajikan pekerja (latihan, perubatan, elaun dan lain-lain)

3. **Jabatan Operasi / Ladang**

Ditadbir oleh seorang pengurus dan dibantu oleh tiga (3) orang pekerja ladang. Pekerja mahir dengan sifat-sifat ternakan dan arif mengenalpasti / mengendalikan ternakan yang sakit. Juga memiliki sijil sembelihan yang diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

Tugas-tugas Jabatan Ladang ialah:


- a. Memastikan ternakan sentiasa berada di dalam keadaan yang baik.
- b. Mendapatkan bekalan ternakan yang bermutu
- c. Memastikan bekalan makanan ternakan sentiasa mencukupi
- d. Memastikan ternakan yang cukup untuk permintaan jualan
- e. Menguruskan penyembelihan ternakan
- f. Menguruskan pemprosesan baja dari najis ternakan
- g. Memastikan padang ragut sentiasa mampu membekalkan rumput yang secukupnya untuk ternakan setiap masa.

Nota:

Buat masa ini, pentadbiran syarikat dijalankan oleh pengusaha sendiri sebagai Pengurus Jualan / Pentadbiran / Operasi, seorang penyelia ladang dan 2 orang pekerja am.

Rancangan Operasi

1. Carta Aliran Proses



2. Perancangan Pengeluaran Produk

Produk MJ Fatonah Enterprise terbahagi kepada 4 kategori:

a. Jualan Hidup

Jualan ini dibuat untuk tujuan aqiqah, qurban, kenduri atau tujuan-tujuan majlis. Pelanggan boleh memilih untuk ternakan hidup ataupun siap disembelih. Penghantaran percuma sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Caj sembelih yang minimum dikenakan.

b. Jualan Karkas / Daging Segar

Pasaran daging segar dijalankan di Pasar-pasar Tani, Pasar malam, kedai runcit dan pemborong yang membeli terus dari ladang. MJ Fatonah Enterprise merancang untuk menembusi pasaran pasaraya-pasaraya besar

c. Jualan Masakan

MJ Fatonah Enterprise menyediakan berbagai jenis masakan traditional Melayu untuk tujuan kenduri. Caj masakan ini bergantung kepada jenis masakan yang dipilih. Antara jenis masakan yang disediakan ialah masak rendang, masak kari, masak kicap, masak merah, B-B-Q dan lain-lain.

d. Baja Organik (Dari Tinja Ternakan)

Tinja ternakan diproses menjadi baja organik yang bermutu tinggi. Baja ini akan dibungkus dengan jenama MJ Fatonah Enterprise dan dipasarkan ke kedai-kedai bunga dan tapak-tapak semaian.

Nota:

Buat masa ini, pengeluaran syarikat ditumpukan kepada penjualan hidup. Dengan tambahan dana yang dipohon, kami harap dapat meningkatkan jualan hidup dan daging segar serta meneruskan perancangan untuk jualan masakan, jualan baja dan hasilan daging.

3. Mesin Dan Peralatan

Setiap jabatan mempunyai keperluan mesin dan peralatan sendiri:

a. Jabatan Jualan

- i. Bilik Dingin Beku – Untuk menyimpan daging sebelum dihantar ke pasar atau kepada pelanggan.
- ii. Pisau-pisau dan pengasah – pisau berkualiti tinggi berbagai saiz bergantung kepada keperluan.
- iii. Peralatan pasar - Lampu, generator, kerusi, meja, payung dan mesin timbang untuk jualan di pasar.

b. Jabatan Ladang

- i. Pam Air – untuk mengepam air dari sumber air untuk mencuci kandang, membersihkan ternakan dan minuman ternakan.
- ii. Mesin Penghancur Makanan – Menghancurkan rumput / lalang untuk dicampurkan dengan pelet.
- iii. Mesin rumput – Untuk memotong rumput dari padang ragut.
- iv. Mesin Pengering Najis – Untuk mengeringkan najis ternakan sebelum dihancurkan dan dibungkus sebagai baja organik.
- v. Forklift – Mengangkut makanan ternakan dari stor simpanan ke takungan makanan.
- vi. Kereta tolak – Sebagai alternatif kepada forklift
- vii. Peralatan kandang – peralatan seperti cangkul, penyodok tanah, pencakar dan sebagainya.
- viii. Peralatan rumah sembelih – Seperti pisau sembelih, pisau melapah, mesin pemotong karkas, apron dan kasut.

c. Jabatan Pentadbiran

- i. Komputer – 3 buah komputer untuk kegunaan pengurus dan kerani.
- ii. Mesin Cetak – Printer, scanner dan mesin fotokopi.
- iii. Telefon – 3 buah telefon untuk kegunaan pengurus dan kerani
- iv. Mesin Fax – Sebuah mesin fax bagi kemudahan pesanan dan penerimaan.
- v. Perabot Pejabat
 - 3 set meja dan kerusi untuk pengurus dan kerani.
 - 3 meja komputer
 - 1 set meja mesyuarat
 - 1 set sofa di ruang menunggu

Nota:

Buat masa ini, jabatan ladang memiliki tiga (3) buah mesin memotong rumput, sebuah mesin menghancur makanan (chopping machine), pam air dan peralatan ladang. Jabatan pentadbiran memiliki sebuah laptop, sebuah printer, telefon bimbit dan sebuah mesin fax. Tambahan modal juga diperlukan bagi menambah bilangan komputer dan perabot pejabat.

Modal Permulaan

1. Jumlah Modal Permulaan

a. Kos Pembangunan	:	RM 239,305.00
b. Pinjaman MARA	:	RM 433,680.00
Jumlah kos	:	<u>RM 672,985.00</u>

2. Kos Pembangunan :

No	Nama	Bilangan	Kos se unit (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah Terkumpul (RM)
1	Pemilikan tanah	1	87,000.00	87,000.00	87,000.00
2	Pembinaan kandang	12	Lump sum	100,000.00	187,000.00
3	Wiring/lampu/plug point		Lump sum	2,800.00	189,800.00
4	Rumah pekerja / stor		Lump sum	10,000.00	199,800.00
5	Mesin penghancur rumput	1	5,500.00	5,500.00	205,300.00
6	Mesin pemotong rumput	3	Lump sum	2,500.00	207,800.00
7.	Kenderaan (Ranger/lori)	11 bulan	Lump sum	31,505.00	239,305.00
Jumlah kos pembangunan					239,305.00

Nota : Kos Pembangunan telah dibiayai oleh pengusaha sendiri

3. Kos Operasi (Jan 2006 hingga Nov 2006)

No	Nama	Bilangan	Kos se unit (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah terkumpul (RM)
1	Pembelian baka KK	165 ekor	Lump sum	219,200.00	219,200.00
2	Pembelian baka Brahman	50 ekor	1400.00	70,000.00	289,200.00
3	Bahan Makanan PKC/PKE	152,250kg	0.38	57,855.00	347,055.00
4	Kos pelbagai	11 bulan	1,500.00	16,500.00	363,555.00
5	Utiliti	11 bulan	Lump sum	5,000.00	368,555.00
6	Gaji pekerja	11 bulan	Lump sum	49,500.00	418,055.00
7.	Bayaranbalik Pinjaman MARA	5 bulan	3,125.00	15,625.00	433,680.00
Jumlah Kos Operasi (11bulan Pertama)					433,680.00

3. Pinjaman dari Bank

Kami memerlukan bantuan kewangan daripada bank untuk menampung kekurangan dana sebanyak **RM250,000.00** (seperti di dalam lampiran Aliran Tunai..Nov 2006). Permulaan modal sebanyak RM370,000.00 adalah dari wang simpanan kami.

Senarai Kursus-Kursus Yang Dihadiri

No	Kursus	Anjuran	Tarikh	Peserta
1	Latihan Sangkut Ternakan Lembu Pedaging	MPPB	29/06/05 – 03/07/05	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin
2	Program Perakaunan Berkomputer	MPPB	05/07/05 – 08/07/05	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin
3	Kursus Pembangunan Usahawan Modul Asas	MPPB	19/07/05 – 22/07/05	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin
4	Kursus Penyembelihan Halal	MPPB	25/07/05 – 28/07/05	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin
5	Kolokium Pertanian Suatu Perniagaan	MPPB	16/02/06 – 18/02/06	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin
6	Seminar AgroPAC2	UPM	25/02/06 – 26/02/06	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin
7	Kursus Pemasaran Strategik	MARA	05/03/06 – 09/03/06	Siti Fatonah Arbain Mohamad Jamil Mahidin

Gambar Sekitar Kursus-Kursus Yang Dihadiri



Kursus Sembelihan Halal di HS Nada Sdn Bhd, Kuang.



Kursus Perakaunan Berkomputer di Institut Pengurusan Veterinar, Cheras.

Gambar Sekitar Ladang MJ Fatonah Enterprise

1. Peringkat Kerja tanah



Penebangan sebahagian pokok sawit untuk tapak kandang



Kerja Tanah Bermula sekitar September 2005



Tiga kolam kumbahan berukuran 30' x 40' x 10' dalam.

2. Peringkat Pembinaan Kandang



Kerja rangka dimulakan sekitar Oktober 2005



Kandang di peringkat kerja rangka dan simen



Antara peralatan pembinaan yang digunakan

3. Pembinaan Kandang Siap Dan Kemasukan Lembu



Pembinaan kandang siap dengan ram



Peringkat pertama kemasukan Lembu (Februari 2006)



Lembu-lembu diberi makan rumput dan pelet

4. Kemudahan Asas Dan Peralatan Ladang



Kenderaan pengangkut dan mesin pemotong rumput



Pekerja sedang menghancurkan rumput menggunakan 'chopping machine'



Kabin untuk penginapan pekerja dan pejabat ladang

**Permohonan Dana IKS
(Pertanian)**

**Majlis Amanah Rakyat
(MARA)**

5. Stok Ternakan pada 20hb Apr 2006



Lembu Brahman Kacukan KK Untuk Tujuan Korban Dan Aqiqah



No	Jenis	Umur	Jantina	Bil (ekor)	Catatan
1	Brahman Kacukan KK	1½ tahun	Jantan	30	Bekalan Untuk Hari Raya Korban 2006
2	Brahman	3 tahun	Jantan	1	Diternak Untuk Baka
3	Brahman Kacukan KK	2 bulan	Jantan	1	Anak
4	Brahman Kacukan KK	1 tahun (1)	Jantan	1	Anak
5	Brahman Kacukan KK	1 tahun (26) 2 tahun (6)	Betina	32	Diternak Untuk Pembiakan
Jumlah bilangan Lembu terkini				65 Ekor	

Lakaran Laluan Ke Ladang MJ Fatonah Enterprise

